

# PM nafi Datuk Lee letak jawatan

KUALA LUMPUR, Sabtu -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan laporan kononnya bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, telah meletakkan jawatan sebagai anggota parlimen Seremban.

'Saya tidak tahu mengenai hal ini. Saya mendengarnya pertama kali hari ini daripada anda,' tambah Perdana Menteri sewaktu ditanya oleh para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Datuk Lee memenangi kerusi parlimen Seremban dalam pilihanraya umum lalu setelah mengalahkan pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin.

Datuk Lee melepaskan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan pada 1 Mei lalu.

Berikutan itu, akhbar bahasa Cina telah melaporkan kononnya Datuk Lee juga meletakkan jawatan sebagai anggota parlimen. --

Bahan asal dari Arkib